

Malam Festival MMU milik UiTM

KOSMO 11/8/06 CMS12)

Oleh **MANIRAH OTHMAN**
berita@kosmo.com.my

CYBERJAYA - Walaupun cuma sempat berlatih dua hari, ia sudah cukup bagi pasukan tari Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk menjuarai acara Joget dan Busana Terbaik pada Festival Konvokesyen 2006 Universiti Multimedia (MMU) di sini malam kelmarin.

Pasukan dari UiTM cawangan Sri Iskandar, Perak itu membawa pulang wang tunai RMI,400 beserta trofi Tun Dr. Siti Hasmah selepas menjadi Johan keseluruhan dengan mengalahkan tuan rumah, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Ketua pasukan UiTM Sri Iskandar, Afiffah Idris, 19, yang ditemui *KOSMO!* memberitahu, kepayahan menghasilkan tarian dalam masa latihan yang cukup singkat itu nampaknya sudah berbaloi.

"Hanya dua hari sahaja yang kami berlatih betul-betul selepas dibuat pengubahsuaian rentak dan bersyukur kami berjaya," katanya.

Malam festival itu dirasmikan oleh isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Festival itu bermula 3 Ogos lalu dan berakhir 13 Ogos bersempena Majlis Konvokesyen Ketujuh MMU pada Sabtu dan Ahad ini.

Festival Konvokesyen itu dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Festival Tari Piala Tun Dr. Siti Hasmah, Pertandingan Sukan



PASUKAN tari dari UiTM Perak muncul juara piala Tun Siti Hasmah pada perasmian Festival Konvokesyen MMU di Kuala Lumpur malam kelmarin.

Antara Kampus, Bazaar, permainan Saidina terbesar dan terpanjang, cabaran paintball

dan banyak lagi. Hadir sama ialah Presiden MMU, Datuk Dr. Ghauth Jas-

mon dan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Sukan, Zamzuri Abdul Majid.